



Auto Balance Conversion Programme

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

2 October 19

1. What is Auto Balance Conversion?

Auto Balance Conversion is a programme that converts Credit Card/-i balances into instalment payment plan when your Credit Card/-i statement balances meet the criteria. Your balances (retail & cash transactions balance) will be converted into 36 months instalment plan at 13% per annum Effective Interest / management fees rate or 7.1% Flat/ management fees rate). For Islamic Auto Balance Conversion, the outstanding statement balance converted is the principal portion only.

Alternatively, you may choose to opt out for this programme at any time (refer Q6 to opt out).

2. What are the benefits of Auto Balance Conversion?

Benefits of Auto Balance Conversion are:

- Low Interest/ management fees rate (Effective Interest/ management fees rate 13% p.a or 7.1% Flat p.a) compared to existing Credit Card/-i interest / management fees rate (15% to 18% p.a)
- Zero Fee, there will be no processing fee and cancellation fee if full payment is made prior to maturity.
- Hassle-Free, your outstanding balance Credit Card/-i balances will be automatically converted to 36 months instalment plan at a lower interest rate/ management fees.
- Flexibility, allowing you an option to opt out from future conversion.

3. How do I qualify for Auto Balance Conversion?

You will be eligible to participate upon meeting the following criteria:

- Malaysian nationality;
- Annual income equal or less than RM60,000 (as per system records);
- Did not make full payment for Credit Card/-i outstanding balance for past 12 months; and
- Past 12 months average Credit Card/-i payment is not more than 10% of total outstanding balances.

Note: Your eligibility will be assessed annually.

4. How does Auto Balance Conversion work and when does conversion happen?

- Your Auto Balance Conversion will start upon successful enrollment which will be communicated to you via SMS or email notification to your registered mobile number or electronic Direct Mailer (eDM)
- The outstanding balance on Credit Card/-i will be reviewed on your statement date to verify if it meets the minimum criteria for conversion.
- Your outstanding balance will be converted into 36 months instalment plan at Effective Interest/ management fees rate 13% p.a or 7.1% Flat p.a
- Your monthly payment will be reflected on your Credit Card/-i statement

For ease of understanding, please refer to the image below on the conversion flow..

Activity	Date
1 st Awareness Notice	26 September
System Enrolment Date (2 nd notice)	2 November
SMS or email (enrolment & opt-out option)	2 November
System Conversion Date	2 December
SMS or email (conversion & cooling period)	2 December

5. What if I don't meet the eligibility criteria?

The Bank will continuously conduct a monthly review on eligible customers to participate in this program. For those who meet the criteria, the Bank will perform auto-enrolment. This is part of assisting our eligible customers to meet their financial commitment.

6. How do I opt out from Auto Balance Conversion programme, what will happen to my current balance of this conversion plan (if any)?

To opt out from this programme, you can call our **Contact Centre at +603 2178 8888**; or email **customercare@ambankgroup.com**

For existing Auto Balance Conversion, your monthly payment will still continue until the end of instalment payment plan period. Alternatively, you can choose to make full payment to pay off your existing Auto Balance Conversion.

7. Can I cancel my instalment payment plan after the balance conversion?

For 1st time conversion, there is 30 days cooling period for cancellation post conversion.

However, if you cancel the instalment plan **after** the 30 days period, you are required to pay the outstanding amount in full. If you cancel the instalment plan within 30 days period, the Conversion Amount will be reversed back into your Credit Card/-i account and the existing applicable finance charges will continue to be chargeable.

8. How do I cancel my instalment plan?

To cancel your Auto Balance Conversion instalment payment plan, you may do so by calling our **Contact Centre at +603 2178 8888**; email **customercare@ambankgroup.com**

9. What if I decide to fully pay off Auto Balance Conversion before its maturity?

- **Conventional Credit Card:** You may settle before the expiry at any time without termination fee as there is no lock-in period. You are required to pay the total outstanding principal in full (applicable to conventional Credit Card)
- **Credit Card-i:** The Bank shall grant rebate, if any, to Cardholder upon full settlement of the Programme in cases of default by the Cardholder

10. How do I know what is my monthly payment when I'm enrolled into Auto Balance Conversion program?

Your monthly instalment amount will be reflected on your monthly Credit Card/-i statement. The first instalment (comprising of Principal and Interest/ management fees and other fees and charges amount) will be reflected in the subsequent Credit Card/-i statement.

Upon successful enrolment, your outstanding balance will be converted in to 36months instalment payment plan and the Effective Interest/ management fees rate that will be reflected is 13% p.a.

11. What if I did not pay my Auto Balance Conversion monthly amount?

A finance charge/ management fee of 18% p.a. will be applied on your monthly Auto Balance Conversion payment plan which will be reflected in the following monthly statement.

If you are unable to pay your monthly Auto Balance Conversion instalment plan for 3 months, your instalment will be cancelled and you will need to pay the outstanding amount in full.

12. Will I be rewarded with bonus points, bonus miles or cash rebate for the Auto Balance Conversion program?

Unfortunately, you will not be earning any points, miles or cash rebates for your Auto Balance Conversion instalment.

13. I am not eligible, how can I enroll into the programme?

You will be auto-enrolled for this programme if you meet all the criteria below:

- Malaysian nationality
- Annual income equal or less than RM60,000 (as per your records with AmBank/AmBank Islamic)
- Did not make full payment for Credit Card/-i outstanding balance for past 12 months;
- Over the past 12 months your average payment is not more than 10% of your outstanding balances.

Note: Your eligibility will be assessed annually.

14. What will happen to my Credit Card/-i limit upon a successful Auto Balance Conversion?

The outstanding balance amount that is converted will be taken from your existing Credit Card/-i limit. Each monthly instalment paid will release your available credit limit by the amount paid every month or in full when it is fully paid.



Penukaran Baki Automatik

SOALAN-SOALAN LAZIM

2 Oktober 19

1. Apakah yang ditawarkan oleh Penukaran Baki Automatik?

Penukaran Baki Automatik ialah program yang menukarkan baki Kad Kredit/-i kepada pelan bayaran ansuran apabila baki penyata Kad Kredit/-i anda memenuhi kriteria yang ditetapkan. Baki anda (baki transaksi runcit & tunai) akan ditukarkan kepada pelan ansuran 36 bulan pada kadar faedah efektif / yuran pengurusan 13% setahun atau kadar rata / yuran pengurusan 7.1%. Untuk Penukaran Baki Automatik Islam, baki tertunggak penyata yang ditukarkan hanya untuk bahagian pokok sahaja.

Secara alternatif, anda boleh memilih untuk tidak turut serta dalam program ini pada bila-bila masa (rujuk S6 untuk memilih untuk tidak turut serta).

2. Apakah manfaat Penukaran Baki Automatik?

Manfaat Penukaran Baki Automatik ialah:

- Kadar faedah/ yuran pengurusan rendah (kadar faedah efektif/yuran pengurusan 13% setahun atau kadar rata 7.1% setahun) berbanding kadar faedah / yuran pengurusan Kad Kredit/-i sedia ada (15% hingga 18% setahun)
- Yuran Sifar, tiada yuran pemrosesan dan pembatalan dikenakan jika bayaran penuh dibuat sebelum tamat tempoh.
- Tanpa Kerenah, baki Kad Kredit/-i tertunggak akan ditukarkan secara automatik kepada pelan ansuran 36 bulan pada kadar faedah / yuran pengurusan lebih rendah.
- Fleksibiliti yang membolehkan anda memilih untuk tidak turut serta dalam program pertukaran masa depan.

3. Bagaimana saya boleh melayakkan diri untuk Penukaran Baki Automatik?

Anda layak untuk turut serta jika memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Pendapatan tahunan bersamaan atau kurang daripada RM60,000 (menurut rekod sistem);
- Tidak membuat bayaran penuh bagi baki tertunggak Kad Kredit/-i dalam tempoh 12 bulan lepas; dan
- Purata bayaran 12 bulan Kad Kredit/-i tidak lebih daripada 10% jumlah baki tertunggak.

Perhatian: Kelayakan anda akan dinilai setiap tahun.

4. Bagaimana Penukaran Baki Automatik berfungsi dan bilakah pertukaran berlaku?

- Penukaran Baki Automatik akan bermula selepas pendaftaran yang akan dimaklumkan kepada anda menerusi SMS atau pemberitahuan e-mel ke nombor mudah alih berdaftar atau Mel Langsung Elektronik (eDM)
- Baki tertunggak akaun Kad Kredit/-i akan disemak pada tarikh penyata untuk mengenal pasti jika ia memenuhi kriteria minimum untuk pertukaran.
- Baki tertunggak anda akan ditukarkan kepada pelan ansuran 36 bulan pada kadar faedah efektif/yuran pengurusan 13% setahun atau kadar rata 7.1% setahun
- Pembayaran bulanan anda akan dipaparkan pada penyata Kad Kredit/-i anda.

Untuk memudahkan pemahaman, sila rujuk kepada imej di bawah untuk aliran pertukaran:

Aktiviti	Tarikh
Notis Maklumat Pertama	26 September
Tarikh Pendaftaran Sistem (Notis Ke-2)	2 November
SMS atau e-mel (pendaftaran & pilihan untuk tidak turut serta)	2 November
Tarikh Pertukaran Sistem	2 Disember
SMS atau e-mel (pertukaran & tempoh bertenang)	2 Disember

5. Bagaimana jika saya tidak memenuhi kriteria kelayakan?

Bank akan membuat penilaian bulanan secara berterusan terhadap pelanggan layak untuk menyertai program ini. Bagi mereka yang memenuhi kriteria, Bank akan melakukan pendaftaran automatik. Ini adalah sebahagian daripada usaha membantu pelanggan layak kami memenuhi komitmen kewangan mereka.

6. Bagaimana untuk memilih tidak turut serta dalam program Penukaran Baki Automatik? Apa yang akan berlaku kepada baki semasa pelan pertukaran ini (jika ada)?

Untuk memilih tidak turut serta dalam program ini, anda boleh menghubungi Pusat Hubungan di +603 2178 8888; atau e-mel customercare@ambankgroup.com

Untuk Penukaran Baki Automatik sedia ada, bayaran bulanan anda akan diteruskan sehingga akhir tempoh pelan pembayaran ansuran. Secara alternatif, anda boleh memilih untuk membuat pembayaran penuh untuk menjelaskan Penukaran Baki Automatik anda.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan pembayaran ansuran selepas penukaran baki?

Untuk pertukaran kali pertama, anda diberi tempoh bertenang 30 hari bagi pembatalan sebelum pertukaran. Bagaimanapun, jika anda membatalkan pelan ansuran selepas tempoh 30 hari, anda perlu membayar jumlah tertunggak secara sepenuhnya. Jika anda membatalkan pelan ansuran dalam tempoh 30 hari, Jumlah Pertukaran akan dimasukkan semula ke dalam akaun Kad Kredit/-i dan caj kewangan sedia ada yang berkenaan akan terus dikenakan.

8. Bagaimana saya membatalkan pelan ansuran saya?

Untuk membatalkan pelan pembayaran ansuran Penukaran Baki Automatik, anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi Pusat Hubungan kami di +603 2178 8888; e-mel customercare@ambankgroup.com

9. Bagaimana jika saya membuat keputusan untuk menjelaskan sepenuhnya Penukaran Baki Automatik sebelum tarikh akhir?

- **Kad Kredit Konvensional:** Anda boleh menjelaskan sebelum tarikh akhir pada bila-bila masa tanpa yuran penamatan kerana tiada tempoh sekatan dikenakan. Anda perlu menjelaskan jumlah tertunggak pokok sepenuhnya (bagi Kad Kredit Konvensional)
- **Kad Kredit-i:** Bank akan memberikan rebat, jika ada, kepada Pemegang Kad selepas penjelasan penuh Program dalam kes kegagalan pembayaran oleh Pemegang Kad.

10. Bagaimana saya tahu apakah bayaran bulanan saya apabila saya mendaftar dalam program Penukaran Baki Automatik?

Jumlah ansuran bulanan anda akan dipaparkan dalam penyata Kad Kredit/-i bulanan. Ansuran pertama (terdiri daripada jumlah pokok dan faedah/ yuran pengurusan dan jumlah yuran dan caj lain) akan dipaparkan dalam penyata Kad Kredit/-i seterusnya.

Selepas berjaya mendaftar, baki tertunggak anda akan ditukarkan kepada pelan ansuran 36 bulan dan kadar faedah efektif/ yuran pengurusan yang diguna pakai ialah 13% setahun.

11. Bagaimana jika saya tidak membayar jumlah bulanan Penukaran Baki Automatik?

Caj kewangan/ yuran pengurusan 18% setahun akan dikenakan ke atas pelan pembayaran Penukaran Baki Automatik yang akan dipaparkan dalam penyata bulanan berikutnya.

Jika anda tidak dapat membayar pelan ansuran Penukaran Baki Automatik bulanan anda selama 3 bulan, ansuran anda akan dibatalkan dan anda perlu membayar jumlah tertunggak secara sepenuhnya.

12. Adakah saya akan diberikan ganjaran mata bonus, mata perjalanan bonus atau rebat tunai bagi program Penukaran Baki Automatik?

Anda tidak akan menerima apa-apa mata, mata perjalanan atau rebat tunai bagi ansuran Penukaran Baki Automatik anda.

13. Saya tidak layak, bagaimana saya boleh mendaftar untuk program ini?

Anda akan didaftarkan secara automatik bagi program ini jika anda memenuhi semua kriteria di bawah:

- Warganegara Malaysia
 - Pendapatan tahunan bersamaan atau kurang daripada RM60,000 (menurut rekod anda dengan AmBank/AmBank Islamic)
 - Tidak buat pembayaran penuh bagi baki tertunggak Kad Kredit/-i dalam tempoh 12 bulan lepas;
 - Dalam tempoh 12 bulan lepas, purata pembayaran anda tidak lebih daripada 10% baki tertunggak anda.
- Perhatian: Kelayakan anda akan dinilai setiap tahun.

14. Apa yang akan berlaku kepada had Kad Kredit/-i selepas kejayaan Pendaftaran Baki Automatik?

Jumlah baki tertunggak yang ditukarkan akan diambil daripada had Kad Kredit/i yang sedia ada. Setiap ansuran bulanan yang dibayar akan mengembalikan had kredit sedia ada sebanyak jumlah yang dibayar setiap bulan atau secara sepenuhnya apabila dibayar sepenuhnya.